

Pesara kerajaan kena tipu RM202,500

Seremban: Seorang pesara kerajaan kerugian RM202,500 selepas diperdaya menyertai skim pelaburan secara dalam talian yang menjanjikan pulangan lumayan hanya dalam tempoh tiga jam.

Mangsa wanita berusia 61 tahun yang dikenali sebagai Ika itu melakukan sebanyak 11 transaksi ke akaun bank berbeza semata-mata mengejar pulangan lumayan seperti yang dijanjikan suspek.

Beliau berkata, pada 16 Jun lalu dia disenaraikan dalam satu kumpulan Telegram yang disertai kira-kira 1,000 ahli.

“Di dalam kumpulan sembang itu mereka memuatnaik gambar wang, barangan kemas atau apa saja yang dibeli kononnya hasil

daripada pelaburan berkenaan.

“Keuntungan besar yang mereka raih itu menarik minat saya untuk menyertainya,” katanya pada sidang media di Pusat Khidmat Dewan Undangan Negeri (DUN) Bukit Kepong di sini, semalam.

Pulangan tempoh tiga jam

Ika berkata, seorang daripada ahli kumpulan itu dipercayai ketuanya memaklumkan jika saya membuat pelaburan sebanyak RM1,000 akan memperoleh pulangan RM3,000 hanya dalam tempoh tiga jam.

“Pada 20 Jun lalu saya melabur dengan membuat transaksi sebanyak RM1,000 melalui satu akaun bank, sebelum membuat

10 lagi transaksi ke akaun berbeza dengan jumlah keseluruhan RM202,500 selepas diyakinkan sindiket itu yang pandai bermain kata dan menggunakan elemen agama.

“Saya mula menyedari diperdaya apabila mereka mengugut tidak mahu membayar hasil keuntungan jika saya gagal menambah pelaburan sebelum membuat laporan di Balai Polis Sikamat pada 6 Julai lalu,” katanya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Hal Ehwal Wanita, Keluarga dan Kebajikan negeri, Nicole Tan Lee Koon, menasihatkan orang ramai supaya tidak menyertai mana-mana skim pelaburan yang tidak berdaftar.